



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

### I. PENYEWAAN DEWAN SERBAGUNA REKREASI DAN RIADAH MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

#### A. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Pemohon perlu menghadirkan diri ke Pejabat Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) atau tempahan secara online bagi menyemak tarikh yang dikehendaki samada masih terdapat kekosongan atau ditempah.
2. Datuk Bandar atau wakilnya berhak menolak mana-mana permohonan yang bercanggah dengan peraturan dan syarat Majlis.
3. Permohonan hanya disahkan sekiranya pihak Majlis menerima bayaran sewaan dewan dan wang cagaran dewan bagi tarikh tempahan yang dibuat di Kaunter Majlis. Sekiranya pemohon gagal untuk menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh berkenaan, pihak Majlis berhak untuk membatalkan permohonan tempahan tersebut.

#### B. BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN

1. Majlis menetapkan bayaran sewa dewan adalah mengikut tujuan penggunaan dewan dan masa yang digunakan oleh pemohon mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. Bayaran sewaan hendaklah dijelaskan **serta-merta** sebelum tarikh penggunaan. Bayaran boleh dibuat secara tunai/cek/wang pos atas nama **Datuk Bandar** Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

#### C. PEMBATALAN

1. Sekiranya tempahan dibatalkan oleh pemohon satu bulan sebelum dari tarikh penggunaan, bayaran penggunaan dikembalikan sepenuhnya.
2. Sekiranya pembatalan oleh pemohon dibuat dalam tempoh kurang dari 7 hari dari tarikh penggunaan, cagaran tidak akan dikembalikan.
3. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) **berhak** membatalkan tempahan dengan serta-merta (tempoh 24 jam) sekiranya terdapat Program / Anjuran Kerajaan Negeri / Majlis dan kepentingan awam yang mengejut. Segala bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang faedah atau gantirugi dengan syarat pengguna mengemukakan resit asal.
4. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) juga berhak membatalkan tempahan sekiranya pemohon tidak membuat bayaran penuh dalam tempoh yang telah ditetapkan.

#### D. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN DEWAN

1. Dewan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan bebas daripada sebarang **unsur politik** serta sebarang aktiviti yang boleh menimbulkan kekacauan.
2. Pemohon hendaklah mengemukakan resit asal kepada pegawai/kakitangan Majlis semasa hendak menggunakan dewan.
3. Pemohon/pengguna hendaklah bertanggungjawab ke atas kebersihan dan keselamatan peralatan yang terdapat di dalam dan di luar dewan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) semasa dan



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

selepas penggunaan akan ditanggung oleh pengguna dan diminta membayar ganti rugi kepada Majlis sekiranya berlaku kerosakan.

4. Pengguna **dilarang keras** membawa masuk sebarang makanan dan minuman haram di sisi Agama Islam atau apa-apa yang boleh merosakkan atau apaapa yang boleh merosakkan serta mengotorkan dewan Majlis sebagai menghormati budaya dan patang larang masyarakat majmuk.
5. Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan barang-barang semasa penggunaan dewan.
6. Pengguna dikehendaki memakai pakaian dan kasut yang bersesuaian dengan acara dan jenis-jenis permukaan gelanggang yang digunakan.
7. Pengguna **dilarang** untuk mempamerkan gambar, kain rentang atau iklan di dinding di dalam dewan atau di luar dewan. Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).
8. Pengguna hendaklah mengosongkan dewan termasuk orang-orang, perkakasan dan sebagainya tidak melebihi 1 jam selepas tamat masa sewaan, jika gagal membuat sedemikian wang cagaran sewaan tidak akan dikembalikan.
9. Sekiranya didapati bahawa pemohon telah melakukan pelanggaran syarat dan dewan didapati tidak berada seperti di dalam keadaan bersih, wang cagaran juga tidak akan dikembalikan.
10. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berhak untuk membatalkan sebarang tempahan pada bila-bila masa bagi kepentingan penggunaan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)/ Kerajaan Negeri Selangor dan Malaysia. Pihak Majlis juga tidak bertanggungjawab untuk meminda/ menukar tempahan yang telah dibatalkan.
11. Sebarang syarat yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

### E. SYARAT-SYARAT KHAS PENGGUNAAN DEWAN HAMZAH

1. Dewan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan bebas daripada sebarang **unsur politik** serta sebarang aktiviti yang boleh menimbulkan kekacauan.
2. Dewan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
3. Memastikan dewan dalam keadaan aman dan terkawal.
4. Tidak dibenarkan sama sekali bagi melekat, menampal, menebuk dinding/ panel pentas, menanggal atau mengalih perkakasan dan peralatan yang terdapat dalam dewan tanpa sebarang kebenaran bertulis daripada Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).
5. Kemudahan tempat letak kereta disediakan di Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan risiko meletakkan kenderaan di tempat tersebut adalah menjadi tanggung jawab pemilik kenderaan masing-masing.
6. Tidak dibenarkan untuk menggunakan kemudahan dan peralatan tanpa kebenaran mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sebarang penambahan kemudahan dan peralatan hendaklah dibuat dan dijelaskan bayaran sebelum majlis dilaksanakan.



## **PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG**

7. Tidak dibenarkan untuk membuka kedai-kedai jualan atau sebarang aktiviti sosial di kawasan Dewan Hamzah tanpa kebenaran pihak pengurusan. Tindakan secara Pentadbiran akan diambil sekiranya terdapat penyewa yang tidak mematuhi arahan pihak berkuasa.
8. Tidak dibenarkan untuk menggunakan kemudahan awam seperti tandas atau sinki serta apa sahaja kawasan Dewan Hamzah untuk aktiviti pencucian/ pembersihan peralatan dan tidak dibenarkan memasak makanan di dalam dewan.
9. Tidak dibenarkan sama sekali untuk membawa masuk makanan/ minuman tidak halal.
10. Pengguna hendaklah memaklumkan/ mendapatkan kebenaran Jabatan Khidmat Pengurusan untuk membawa sebarang peralatan persendirian seperti meja/ kerusi, khemah, kiosk dan sebagainya untuk dipasang sama ada di dalam atau luar dewan.
11. Segala persiapan, kebersihan dan kerosakan adalah menjadi tanggung jawab pihak penyewa dan memastikan semua peralatan serta karpet dalam keadaan selamat dan seperti sedia ada sebelum meninggalkan dewan tersebut.
12. Kebersihan Dewan Hamzah dan ruang legar dijaga sebaik-baiknya.
13. Semua sampah dan sisa makanan hendaklah diletakkan di dalam beg plastik yang tidak mudah koyak dan seterusnya dibawa keluar daripada dewan dan dibuang ke dalam rumah sampah.

### **F. PERINGATAN**

1. Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan barang-barang semasa penggunaan dewan.
2. Dewan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) adalah kawasan larangan merokok.
3. Dewan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) adalah larangan untuk tujuan politik/ perhimpunan/ kempen politik.



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

### II. PENYEWAAN TEMPAT-TEMPAT KEMUDAHAN SUKAN (PADANG/ GELANGGANG/ STADIUM HOKI) MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

#### A. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Pemohon perlu menghadirkan diri ke Pejabat Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) atau tempahan secara online bagi menyemak tarikh yang dikehendaki samada masih terdapat kekosongan atau ditempah.
2. Datuk Bandar atau wakilnya berhak menolak mana-mana permohonan yang bercanggah dengan peraturan dan syarat Majlis.
3. Permohonan hanya disahkan sekiranya pihak Majlis menerima bayaran sewaan dewan dan wang cagaran dewan bagi tarikh tempahan yang dibuat di Kaunter Majlis. Sekiranya pemohon gagal untuk menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh berkenaan, pihak Majlis berhak untuk membatalkan permohonan tempahan tersebut.
4. Pemohon boleh membuat permohonan dengan cara seperti berikut:-
  - i Sewaan Bulanan Badminton/ Tenis

Pemohon hendaklah membuat permohonan tempahan seperti jadual di bawah:-

Bil	Tarikh Tempahan	Sesi Permainan (Bulan)
1.	Setiap 1hb tiap-tiap bulan	Januari hingga Disember

\*Seorang pemohon dibenarkan membuat tempahan berdasarkan sekali dalam tempoh sebulan berdasarkan kekosongan tarikh tempahan (first come first serve).

#### B. BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN

1. Majlis menetapkan bayaran sewa padang/gelanggang/stadium hoki adalah mengikut tujuan penggunaan padang/gelanggang/stadium hoki dan masa yang digunakan oleh pemohon mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. Bayaran sewaan hendaklah **serta-merta** sebelum tarikh penggunaan. Bayaran boleh dibuat secara tunai/cek/wang pos atas nama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

#### C. PEMBATALAN

1. Sekiranya tempahan dibatalkan oleh pemohon satu bulan sebelum dari tarikh penggunaan, bayaran penggunaan dikembalikan sepenuhnya.
2. Sekiranya pembatalan oleh pemohon dibuat dalam tempoh kurang dari 7 hari dari tarikh penggunaan, cagaran tidak akan dikembalikan.



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

3. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) **berhak** membatalkan tempahan dengan serta-merta (tempoh 24 jam) sekiranya terdapat Program / Anjuran Kerajaan Negeri / Majlis dan kepentingan awam yang mengejut. Segala bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang faedah atau gantirugi dengan syarat pengguna mengemukakan resit asal.
4. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) juga berhak membatalkan tempahan sekiranya pemohon tidak membuat bayaran penuh dalam tempoh yang telah ditetapkan.

### D. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN PADANG/ GELANGGANG/ STADIUM HOKI

1. Pemohon hendaklah mengemukakan resit asal kepada pegawai/kakitangan Majlis semasa hendak menggunakan padang/gelanggang.
2. Pemohon/pengguna hendaklah **bertanggungjawab** ke atas kebersihan dan keselamatan peralatan yang terdapat di dalam dan di luar padang/gelanggang/stadium hoki Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) semasa dan selepas penggunaan akan ditanggung oleh pengguna dan diminta membayar ganti rugi kepada Majlis sekiranya berlaku kerosakan.
3. Pengguna adalah **dilarang** mendirikan khemah di dalam kawasan padang dan diatas trek. pemohon/pengguna mestilah **bertanggungjawab** ke atas kebersihan dan keselamatan peralatan yang terdapat di padang/gelanggang/stadium hoki Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) semasa dan selepas penggunaan. Segala kerosakan ke atas harta Majlis semasa penggunaan akan ditanggung oleh pengguna dan diminta membayar gantirugi kepada Majlis sekiranya berlaku kerosakan.
4. Pemohon/pengguna mestilah **bertanggungjawab** ke atas kebersihan dan keselamatan peralatan yang terdapat di padang/gelanggang/stadium hoki Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) semasa dan selepas penggunaan. Segala kerosakan ke atas harta Majlis semasa penggunaan akan ditanggung oleh pengguna dan diminta membayar gantirugi kepada Majlis sekiranya berlaku kerosakan.
5. Pengguna dikehendaki memakai pakaian dan kasut yang bersesuaian dengan acara dan jenis-jenis permukaan gelanggang/padang/stadium hoki yang digunakan.
6. Pengguna adalah **dilarang** mengecat/menconteng trek, papan tanda dan tidak membuang sampah, tanah pasir, bahan-bahan cecair seperti minyak merata-rata.
7. Pengguna adalah **dilarang** membawa/meletakkan kenderaan melalui trek atau padang dan menggunakan bekalan elektrik/generator sendiri tanpa kebenaran Majlis.
8. Permohonan daripada pelajar sekolah hendaklah membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah untuk mendapatkan bayaran konsesi pelajar sekolah.
9. Sekiranya didapati bahawa pemohon telah melakukan pelanggaran syarat dan padang/gelanggang didapati tidak berada seperti di dalam keadaan bersih, wang cagaran juga tidak akan dikembalikan.
10. Sebarang syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

### E. PERINGATAN

1. Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan barang-barang semasa penggunaan.
2. Tempahan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

oleh pihak berkuasa dan bebas daripada sebarang **unsur politik** serta sebarang aktiviti yang boleh menimbulkan kekacauan.

### F. PEMULANGAN WANG CAGARAN

1. Sila kemukakan **resit asal** bayaran cagaran yang telah dijelaskan. sekiranya resit asal bayaran hilang boleh kemukakan **Akuan Pesuruhjaya Sumpah** (salinan resit asal disertakan sebagai bukti);
2. Salinan Penyata Akaun Bank (Yang Disahkan Oleh Bank);
3. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Individu). Sekiranya permohonan atas nama syarikat sila kemukakan salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
4. Surat pembatalan tempahan (sekiranya pemohon membuat pembatalan). Sekiranya tempahan dibatalkan oleh pemohon satu bulan sebelum dari tarikh penggunaan, bayaran penggunaan dikembalikan sepenuhnya. Sekiranya pembatalan oleh pemohon dibuat dalam tempoh kurang dari 7 hari dari tarikh penggunaan, cagaran tidak akan dikembalikan.

### III. PENYEWAAN STADIUM SULTAN SULEIMAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

1. Majlis berhak **membatalkan** permohonan dalam masa 24 jam tanpa ada gantirugi. Penyewa bersetuju bahawa wang cagaran tidak dikembalikan sekiranya penyewa melanggar peraturan-peraturan penyewaan. Tempahan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan bebas daripada sebarang **unsur politik** serta sebarang aktiviti yang boleh menimbulkan kekacauan.
2. Penyewa perlu menunjukkan **resit bayaran/ surat kebenaran** kepada pihak pengawal keselamatan semasa memasuki stadium atau sebelum menggunakan sebarang kemudahan.
3. Penyewa hendaklah bertanggungjawab menjaga kebersihan/ keselamatan segala kemudahan yang terdapat di perkarangan stadium semasa dan selepas penggunaan. Penyewa bersetuju bahawa wang cagaran tidak dikembalikan sekiranya penyewa melanggar peraturan-peraturan penyewaan.
4. Penyewa hanya dibenarkan menggunakan balapan/ padang mengikut kelulusan yang telah diberikan.
5. Penyewa hanya dibenarkan menggunakan balapan/ padang mengikut tempoh sewaan yang telah diberikan.
6. Pihak penyewa perlu menyediakan sendiri kepegawaian olahraga dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan bagi setiap penyewaan balapan/ padang.
7. Penyewa perlu memastikan pemain/ peserta mamakai pakaian sukan yang bersesuaian dan sopan. Kasut yang dipakai juga hendaklah bersesuaian dengan permainan/ aktiviti yang dilakukan.
8. Pemakaian kasut bertapak, kasut tumit tinggi dan selipar yang boleh merosakkan balapan/ padang adalah dilarang.
9. Penyewa juga perlu memastikan penonton yang hadir memakai pakaian yang sopan. Penonton hanya dibenarkan berada di tempat duduk dan tidak dibenarkan berada di dalam kawasan balapan/ padang.
10. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berhak untuk menghalang/ tidak membenarkan kemasukan pemain/ peserta atau penonton yang gagal mematuhi arahan pemakaian tersebut.



## PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

11. Penyewa diminta untuk sentiasa menjaga keselamatan diri dan keselamatan barang peribadi.
12. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan, kecederaan, kemalangan, kecuaian dan kehilangan yang berlaku.
13. Penyewa hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan. Pemain/ peserta dan penonton dilarang **meludah dan merokok** samada di balapan/ padang, tempa duduk atau mana-mana bahagian di dalam stadium.
14. Pemain/ peserta dilarang membawa sebarang makanan dan minuman jenis bergula/ berkabornat ke kawasan balapan/ padang manakala penonton dibenarkan membawa makanan/ minuman tetapi dikehendaki membuang bekas makanan/ minuman ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).
15. Semua jenis kenderaan beroda termasuk basikal dan stroller kanak-kanak dilarang memasuki kawasan balapan/ padang.
16. Haiwan peliharaan adalah dilarang sama sekali dibawa masuk ke dalam stadium.
17. Penyewa **tidak dibenarkan** membuat sebarang perubahan di kawasan balapan/ padang ataupun mana-mana bahagian di dalam stadium tanpa kebenaran daripada pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).
18. Bagi tujuan mendirikan sebarang binaan di atas balapan/ padang seperti khemah atau pentas adalah **tidak dibenarkan**.
19. Penyewa adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala kerosakan, kehilangan dan kekotoran yang berlaku semasa penyewaan.
20. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berhak menahan wang cagaran sekiranya berlaku kerosakan, kehilangan dan kekotoran.
21. **Tidak dibenarkan** bagi sebarang aktiviti jualan/ perniagaan di dalam stadium kecuali dengan kebenaran Majlis.
22. **Tidak dibenarkan** membawa masuk minuman keras samada di dalam botol atau tin di dalam kawasan stadium. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) akan mengambil tindakan terhadap perkara tersebut.
23. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berhak untuk membatalkan sebarang tempahan pada bila-bila masa bagi kepentingan penggunaan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)/ Kerajaan Negeri Selangor dan Malaysia. Pihak Majlis juga tidak bertanggungjawab untuk meminda/ menukar tempahan yang telah dibatalkan.
24. Pihak Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) akan mendakwa/ mendenda mana-mana penyewa, peserta/ pemain atau penonton yang melanggar mana-mana peraturan/ arahan ini.